

**Perpustakaan Negara Malaysia Komited Transformasi Perkhidmatan
Bernama
03 Mac, 2012
Oleh Sakini Mohd Said**

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa berada di hadapan dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk keselesaan pengguna dan sebagai tarikan pembaca ke gedung ilmu itu.

Ketua Pengarah PNM Datuk Raslin Abu Bakar berkata kemudahan itu merangkumi penyediaan perkhidmatan kandungan digital atau sumber elektronik dalam talian seperti 'World e-Book' dan 'Encyclopedia Britannica' yang membolehkan pembacaan berlaku di mana-mana.

Diakses secara percuma, perkhidmatan 'World e-Book' membolehkan pengguna memuat turun koleksi bahan digital yang terdapat di PNM menerusi komputer peribadi dan peranti terkini seperti iPhone, Blackberry dan iPad dengan tempoh pembacaan diberikan selama dua minggu.

"Biar pun pengunjung fizikal menurun, tetapi pengunjung maya meningkat. (Ini kerana) PNM mengambil kira trend pembacaan semasa yang menggunakan teknologi terkini, bahan-bahan dalam bentuk elektronik seperti buku elektronik, jurnal elektronik dan sebagainya.

"Pada masa kini terdapat lebih tiga juta bahan bacaan elektronik boleh dicapai pengguna PNM. Pada masa yang sama, kemudahan capaian melalui alat IT pintar sebegini sedang dipertingkatkan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Raslin berkata demikian bagi mengulas artikel Bernama - "Suasana Di Perpustakaan Perlukan Perubahan" - yang menyentuh mengenai 'kesuraman' suasana perpustakaan awam di negara ini yang dikatakan menjadi punca masyarakat lebih cenderung ke kedai buku berbanding gedung ilmu itu.

Mengulas mengenai perkhidmatan 'Encyclopedia Britannica', Raslin berkata PNM merupakan perpustakaan pertama di rantau Asia yang menyediakan perkhidmatan pakej itu untuk kanak-kanak dan dewasa bagi capaian pengguna di seluruh negara.

Selain penyediaan teknologi terkini untuk kemudahan pembaca, beliau berkata PNM sentiasa berusaha menambah baik persekitaran dan fasiliti yang ditawarkan di perpustakaan bagi memenuhi kehendak semasa pengguna.

Untuk itu, katanya, PNM menyediakan ruang santai di aras satu bangunan PNM di Jalan Tun Razak yang dilengkapi dengan mesin penyedia minuman ringan bagi keselesaan pengguna untuk beristirahat sambil membuat rujukan atau pembacaan atau melayari internet secara percuma.

"PNM telah mengaudit dan mengkaji persekitaran pada tahun lalu dan sedang melaksanakan perubahan pada tahun ini secara berperingkat. Perubahan ini meliputi peningkatan prasarana fizikal dan kemudahan sedia ada di samping menyediakan kemudahan baru," katanya.

Mengulas mengenai penyediaan ruang kafe di dalam perpustakaan, Raslin berkata budaya

masyarakat negara ini yang mengambil ringan akan penjagaan buku menjadi faktor utama ruang kafe disediakan berasingan daripada ruangan rak buku.

Atas faktor itulah, peraturan berkaitan makan minum diwujudkan bagi memastikan koleksi buku di PNM yang dikategorikan sebagai 'koleksi negara' sentiasa berada dalam keadaan baik untuk kegunaan semua.

Peraturan ini juga bukan sesuatu yang asing kerana banyak perpustakaan di negara lain menyediakan ruang makan minum yang terpisah dengan tempat pembacaan.

Bagaimanapun, ujar Raslin, PNM telah melonggarkan beberapa peraturan seperti membenarkan pengguna membawa minuman ke dalam perpustakaan dan membawa buku persendirian untuk rujukan, sekali gus menafikan bahawa pengurusan PNM tidak mesra pengguna.

Artikel itu turut menyentuh akan kekurangan koleksi buku antara alasan mendorong masyarakat ke kedai buku, dan Raslin mengulas: "Tidak ada satu perpustakaan yang mampu menyediakan semua bahan seperti di kedai buku, disebabkan antaranya, kekangan peruntukan untuk membeli buku,".

Oleh itu, kata Raslin, perpustakaan perlu membuat pemilihan terbaik untuk menyediakan buku-buku yang berkualiti dan pada masa yang sama memastikan koleksi buku yang disediakan mewakili semua bidang yang diperlukan pengguna.

"Bagaimanapun, satu alternatif telah disediakan kerajaan melalui perkhidmatan u-Pustaka di mana masyarakat pembaca boleh mendapat koleksi yang lebih banyak menerusi tujuh perpustakaan ahli konsortium u-Pustaka," katanya.

Dalam pada itu, Raslin juga menafikan dakwaan bahawa perpustakaan hanya sesuai untuk golongan kanak-kanak dan pelajar institusi pengajian tinggi berdasarkan pada statistik tahun 2009-2011 yang menunjukkan golongan dewasa merupakan pengunjug majoriti, mencatatkan sebanyak 70-80 peratus daripada golongan pembaca.

Ini kerana, koleksi PNM meliputi pelbagai bidang yang sebahagian besarnya adalah untuk golongan awam.

"Bagaimanapun, koleksi ilmiah yang komprehensif (untuk ahli akademik dan penuntut) banyak disediakan dan menjadi keutamaan di bawah koleksi Malaysiana PNM.

"Ini bagi memenuhi keperluan kajian atau bidang penyelidikan," katanya.

Mengenai perancangan masa depan, Raslin berkata PNM akan memperhebat kempen pembudayaan Bahasa Melayu, tulisan jawi serta program literasi maklumat yang dilancarkan tahun lepas bagi memberi pengetahuan dan bimbingan kepada masyarakat, mengenai kaedah mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih sama ada daripada sumber maklumat konvensional atau Internet.

Selain itu, PNM juga akan menganjurkan ekspo berkaitan perkhidmatan kandungan digital yang ditawarkan PNM kepada pengguna dan bakal disertai vendor-vendor gajet terkini seperti telefon pintar, ipad dan Android Blackberry.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649643>